

28 JUL 2000

Mahathir-Penggiliran/I

BN BOLEH PUTUSKAN SAMA ADA HENDAK TERUSKAN SISTEM, KATA DR MAHATHIR

KOTA KINABALU, 28 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kehendak rakyat Sabah berhubung dengan penggiliran jawatan ketua menteri perlu dipenuhi mengikut semangat Barisan Nasional (BN).

"Pada umumnya ia adalah urusan dalaman BN jadi mereka boleh membuat keputusan mengenai perkara itu dalam konteks BN," katanya pada persidangan media di sini selepas mengakhiri lawatan tiga hari ke Sabah.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN bagaimanapun mengulangi bahawa terpulanglah kepada rakyat Sabah sama ada mereka mahukan sistem penggiliran jawatan itu diteruskan.

"Bagi saya, saya bersedia menerima apa sahaja kehendak rakyat Sabah," kata beliau.

Dr Mahathir berkata walaupun beliau yang mencadangkan sistem itu tetapi rakyat Sabah yang boleh membuat keputusan muktamad.

"Memang benar saya yang mencadangkannya. Jika ada bantahan terhadap perkara itu, bantahan itu sepatutnya sudah dibuat ketika itu tetapi tiada siapa yang membantahnya...jelas semua pihak menerimanya. Sekarang, jika saya berkata "hentikan sistem itu", rakyat mungkin membantah," katanya.

Sistem itu diperkenalkan di Sabah pada 1994 bagi membolehkan pemimpin daripada tiga kaum utama -- masyarakat bumiputera Islam, Cina, dan bumiputera bukan Islam -- menjadi ketua menteri secara bergilir setiap dua tahun.

Mereka yang telah dilantik sebagai ketua menteri di bawah sistem itu ialah Tun Sakaran Dandai (sekarang Yang Dipertua Negeri), Datuk Salleh Tun Said, Datuk Yong Teck Lee, Tan Sri Bernard Dompok dan Ketua Menteri sekarang Datuk Osu Sukam.

Jika sistem itu diteruskan, penggal Osu akan berakhir pada Mei tahun depan, dan selepas itu pemimpin dari masyarakat Bumiputera bukan Islam akan dilantik menjadi ketua menteri bagi menyambung tempoh yang tidak dihabiskan oleh Dompok semasa memegang jawatan itu.

Dompok menjadi ketua menteri hanya selama 11 bulan sebelum pilihan raya negeri diadakan tahun lepas. Beliau gagal mempertahankan kerusinya pada pilihan raya negeri lalu dan Osu telah dilantik ke jawatan itu.

-- BERNAMA

JS RHM